

1979

KUALA LUMPUR, 22 SEPT. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENEKANKAN PENTINGNYA SATU PENENTUAN DIBUAT TENTANG HAD KEBEBASAN AKHBAR DI NEGARA INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA PADA MASA INI TIDAK ADA KARA YANG BETUL-BETUL BERKESAN UNTUK MENENTUKAN SETAKAT MANA KEBEBASAN INI BOLEH DIBIARKAN.

+KITA MASIH MERABA-RABA, + TAMBAH BELIAU SEMASA MERASMIKAN PERSIDANGAN KOMUNIKASI ANJURAN PERSATUAN PENULIS NASIONAL DENGAN KERJASAMA DEWAN BAHASA DAN PUSWAKA DI SEBUAH HOTEL DI SINI.

KIRA-KIRA 150 ORANG AHLI DALAM BIDANG KOMUNIKASI MODEN TERMASUK PENULIS, WARTAWAN, JURU MEIDA ELEKTRONIK DAN PAKAR PERHUBUNGAN MENYERTAI SEMINAR DUA HARI ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGAJAK PARA PESERTA MEMIKIRKAN BERSAMA UNTUK Mencari JALAN YANG SELAMAT BAGI MENENTUKAN HAD KEBEBASAN AKHBAR DI NEGARA INI.

TEGAS BELIAU, KEBEBASAN AKHBAR SPERTI LAIN-LAIN KEBEBASAN MEMPUYAI HADNYA DAN MASALAHNYA IALAH MENENTUKAN SETAKAT MANA KEBEBASAN ITUBOLEH DIBIARKAN. —BERSAMBUNG 1308/1B

MAHATHIR-KOMUNIKASI 2 KUALA LUMPUR 金'金'金

+ADA YANG BERKATA KERAJAANLAH YANG PATUT MENENTUKAN HAD INI TETAPI ADA PULA YANG BERKATA PEMBERITA DAN AHLI SURAT KHBAR ADALAH ORANG YANG BERFIKIRAN WARAS DAN MEREKALAH YANG AKAN MENENTUKANNYA.

+ADA YANG LAIN BERKATA ORANG ASING SEBELAH PATUT MENGADILKAN DAN ADA YANG BERKATA PIHAK-PIHAK YANG TERLIBAT PAUT DIRUNDINGKANZ TAMBAH BELIAU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA SOAL KEBEBASAN AKHBAR ADALAH SATU SOAL YANG SERING DIKAITKAN DENGAN DEMOKRASI.

DI ANTARA MEREKA YANG NYARING SEKALI MEMPERJUANGKAN HAK KEBEBASAN INI IALAH MREKA YANG MENGUASAI ALAT BERITA DUNIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED MENGSIFATKAN KEBEBAS YANG DITUNTUT OLEH WORLD PRESS ITU SEBAGAI SALAH SATU CARA YANG BERKESAN OLEH BEKAS-BEKAS IMPERIALIS UNTUK MENGEKALKAN IMPERIALISME.

UNTUK MENJADIKAN WORLD PRESS INI BERKESAN UNTUK MENJAJAH DUNIA, KUASA-KUASA BARAT MEMERLUKAN KEBEBASAN MEMBUAT LAPURAN SESUKA HATI MEREKA.

+DASAR INI DITAFSIKRN SEBAGAI KEBEBASAN AKHBAR DAN KADANG-KADANG KITA NAMPAK TANGAN YAHUDI DALAM KEGIATAN INI, + TAMBAH BELIAU — BERSAMBUNG 1320/1B

EE

B521

MAHATHIR-KOMUNAKASI 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DENGAN MENJADIKAN APA YANG DISEBUT SEBAGAI KEKEBASAN AKHBAR INI SEBAGAI SATU VIRTUE YANG MESTI ADA SEBELUM DEMOKRASI DIIKTIRAF, MEJEKA BUKAN SAHAJA BEBAS MEMAINKAN KUASA PRESS TETAPI BERJAYA PULA MENDAPAT SOKONGAN DARI PENDUDUK NEGARA-NEGARA BEKAS JAJAHAN TAKLUK MEREKA.

+DENGAN KUASA INI MAKA KEKALLAH PENJAJAHAN MEREKA SEHINGGA DAPAT MEREKA MENENTUKAN SIAPA YANG AKAN JADI KERAJAAN DAN SIAPA TIDAK. +

BELIAU MENARIK PERHATIAN TENTANG ADANYA ORANG-ORANG ISLAM DI SETENGAH NEGARA YANG KONONNYA MENGAMALKAN +ISLAMIC FUNDAMENTALISME, + DENGAN MUDAHNYA DIPERALATKAN OLEH AKHBAR DUNIA DAN ORANG LAIN YANG BERPENTINGAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA SELAIN DARI MAKSUD POLITIK ANTARABANGSA JUGA DIDAPATI SEBAHAGIAN DARI KEJADIAN BURUK DI DALAM DUNIA INI BERASAL DARI KEBEBASAN YANG BEGPTU DIJUNJUNG TINGGI OLEH WORLD PRESS DAN DIPRAKTIKKAN OLEH MEREKA. — BERSAMBUNG 1323/1B

#### MAHATHIR-KOMUNIKASI 4 KUALA LUMPUR

SEBAGAI CONTOH, BELIAU MENUNJUKKAN BAGAIMANA SEBUAH MAJALLAH TERKENAL DI DUNIA FARU-FARU INI MELAPRKAN DENGAN TERPERINCI CARA-CARA PENYELAMATAN YANG DIJALANKAN KE ATAS SEBUAH KAPALTERBANG YANG DIRAMPAS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KESAL KERANA MAJALLAH ITU HANYA MEMENTINGKAN UNTUK MENONJOL KEEOLEHAN +INVESTIGATIVE REPORTING+ MEREKA TANPA MENGHIRAUKAN BAHAYA YANG AKAN DIHADAPI OLEH MANGSA HIJACK KEMUDIA HARI.

MEMANDANG KEJADIAN-KEJADIAN INI, BELIAU MENEGASKAN PERLUNYA PENGGUNAAN KUASA MASS MEDIA DIKAJI DENGAN MENDALAM TERUTAMA DALAM SEBUAH NEGARA MEMBANGUN SEPERTI MALAYSIA.

KATANYA, DALAM DUNIA YANG SUDAH MENJADI SEMPIT, SESEBUAH NEGARA ATAU KUMPULAN TIEAK LAGI BOLEH MENGASINGKAN DIRI DAN LAPORAN BERKENAAN DENGAN NEGARA INI YANG DISAMPAIKAN KEPADA SELURUH DUNIA MEMPUYAI KESAN YANG AMAT BERAT.

BIASANYA LAPORAN DAN ULASAN YANG DIBUAT TIDAKLAH OBJEKTIF DAN TEPAT TETAPI MIRIP KEPADA TUJUAN-TUJUAN TERTENTU MEREKA YANG MEMBUAT LAPURAN ATAU ULASAN ITU. -- BERSAMBUNG 1330/1B

#### MAHATHIR-KOMUNIKASI 5 KUALA LUMPUR

OLEH ITU, TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR, SAIKOLOJI LAPORAN BERITA DAN SAIKOLOJI PELANGGAN AKHEAR PERLU DIFAHAM KERANA SAIKOLOJI INI BOLEH DIPERALATKAN OLEH MEREKA-MEREKA YANG BERKEPENTINGAN DAN MEMBURUKKAN KEADAANDI MANA-MANA SAHAJA.

MENURUTNYA, SAIKOLOJI INI MEMBERI KUASA YANG BESAR KEPADA MEREKA YANG MENGUASAI MASA MEDIA.

+KUASA INI SEPERTI KUASA YANG LAIN MEMPUYAI NIKMAT YANG HARUS DIHURMATI. KUASA INI SEPERTI PISAU YANG TAJAM BOLEH MEMBINASA DAN MEMBUNUH, TETAPI BOLEH JUGA MENGUKIR SESUATU YANG CANTIK DAN MEMPERSONA.+

KATANYA, INI PERLU DIBERI PERHATIAN BERAT TERUTAMA DI SEMENANJUNG MALAYSIA DI MANA BAGI TAHUN INI SAHAJA, 50 PERATUS DARIPADA ORANG DEWASA MEMBACA AKHEAR SEMENTARA 80 PERATUS PULA MENDENGAR RADIO DAN 87 PERATUS MENONTON TELEVISYEN.

JIKA INI SEMUA DIMASUK KIRA TENTULAH LEBIH RAMAI LAGI PENDUDUK YANG BOLEH DIPENGARUHI DAN PELUANG BAGI MEREKA YANG BERKEPENTINGAN TENTULAH BANYAK DALAM KEADAAN INI. -- BERSAMBUNG 1335/1B

22  
B524

MAHATHIR-KOMUNIKASI 6 KUALA LUMPUR

SEBELUM ITU, KETUA SATU PENA, ENCIK ADAM ABDUL KADIR BERKATA KEBANYAKAN FIRMA AKHBAR MEMIKIRKAN +SURVIVALNYA+ DULU SEBELUM MEMBUAT SATU PENDIRIAN TENTANG KONSEP KEDEEASAN AKHBAR DAN PERLAKSANAANNYA.

MENURUTNYA, KEBANYAKAN DARI MEREKA BERPENDAPAT APALAH KONSEP ITU JIKA PERLAKSANAAN TERBENGGALAI DISEBABKAN PEMBATALAN PERMIT KDN.

BELIAU BERKATA SUNGGUHPUN SETIAP MEDIA ITU MEMPUNYAI DASAR DAN STRATEJI SENDIRI, IA DIPENGARUHI PULA OLEH REALITI POLITIK, PERDAGANGAN DAN FAKTOR-FAKTOR YANG MENENTUKAN PERHUBUNGAN ANTARA MANUSIA DENGAN MANUSIA.

SEBARANG KECENDERUNGAN YANG BOLEH MENCETUSKAN KEADAAN HURU HARA DAN TIDAK TERATUR BAIK KECENDERUNGAN POLITIK MAHPUN SEKS SUDAH TENTU AKAN MENDAPAT PERHATIAN KRITIKAL DARI KEMENTERIAN DALAM NEGERI YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP KELULUSAN DANPEM-BATALAN PERMIT KDN.

ENCIK ADAM MENAMBAH NAMUN BEGITU, BATASANDAN RUANG YANG DIBERIKAN DALAM REALITI ITU DATANGNYA DALAM BENTUK GARISAN KABUR SEDANGKAN GARISAN PTU SENDIRI MUNGKIN KASAR DAN MUNGKIN JUGA HALUS.

+OLEH ITU TIDAKLAH BEGITU TERLANJUR JIKA DIKATAKAN BAHAWA RAMAI PIHAK BERKEGENTINGAN LEBIH BERPEGANG KEPADA SIKAP MAHU MENJAUHKAN DIRI DARI GARISAN ITU, KERANA BAIK KASAR ATAU HALUS, KEDUA-DUANYA GARISAN BAHAYA.+-- BERSAMBUNG 1345/1B

MAHATHIR-KOMUNIKASI 7 KUALA LUMPUR

ENCIK ADAM BERKATA MEMANDANGKANHAKIKAT INI JELAS SEKALI RATA-RATA AKHBAR-AKHBAR SUDAH BERSIKAP +APOLITICAL+ DAN KALAU PUN ADA KECENDERUNGAN +POLITICAL+ IANYA BERTINDAK BERPANDUKAN LOGIK JALAN YANG SELAMAT.

AKHBAR-AKHBAR YANG BERHADAPAN DENGAN REALITI HARI-HARI LEBIH BERSEDIA MENYIARKAN BESAR-BESARAN BAHAN SENSASI BUKAN POLITIK SEPERTI KES ROGOL, KISAH MAHKAMAH YANG MENGHAIRRAHKAN DAN BINTANG-BINTANG FILEM SEKSI YANG SENTIASA SAJA MENCABUT UNDI.

KATANYA, MAJALLAH-MAJALLAH YANG DALAM PASARAN JUGA KEBANYAKKANYA BERBENTUK HIBURAN.

+INILAH BENTUK YANG PALING SELAMAT DARI RISIKO PERMIT KDN DITARIK BILA-BILA MASA.+ TAMBAH BELIAU. -- BERNAMA 1350/1B